

04 JAN 1999

Hamdan-Cuti

FOMCA SARAN BANK DAN PEJABAT POS CUTI SABTU MINGGU KEDUA

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Semua pejabat pos dan bank-bank perdagangan diminta mengubah hari cuti Sabtu/Khamis pertama setiap bulan kepada Sabtu/Khamis minggu kedua supaya tidak serentak dengan hari cuti kakitangan kerajaan.

Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Prof Hamdan Adnan berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada orang ramai yang kurang senang kerana pejabat pos dan bank perdagangan ditutup serentak dengan cuti kakitangan kerajaan, kerana pada masa itulah kakitangan kerajaan dan orang ramai mengambil peluang daripada cuti itu untuk berurusan dengan mereka.

"Saya cadangkan pejabat pos dan bank-bank perdagangan mengambil cuti pada minggu kedua atau minggu yang lain setiap bulan untuk memudahkan kakitangan kerajaan dan orang ramai berurusan," katanya kepada Bernama hari ini.

Katanya, sekiranya pihak bank dan pejabat pos turut mengambil cuti pada waktu yang sama dengan cuti kakitangan kerajaan, ia bukan sahaja menyusahkan orang ramai yang ingin berurusan, tetapi juga merugikan pihak bank dan pejabat pos itu sendiri.

"Kerana waktu inilah (Sabtu/Khamis pertama) kakitangan kerajaan dan orang ramai yang bercuti ingin mengambil peluang berurusan. Kalau mereka beroperasi, ini lebih menguntungkan mereka," katanya.

Lagipun, tambah beliau, kakitangan kerajaan yang ingin berurusan tidak perlu mengambil cuti pada hari lain untuk menyelesaikan urusan mereka.

"Ini betul-betul menyusahkan kalau semua pihak khususnya bank dan pejabat pos cuti serentak dengan cuti kakitangan kerajaan pada setiap Sabtu/Khamis pertama setiap bulan," katanya.

Persatuan Bank-bank di Malaysia dan Pos Malaysia Berhad baru-baru ini mengumumkan pada hari Sabtu pertama setiap bulan bagi negeri-negeri yang cuti umumnya jatuh pada hari Ahad dan hari Khamis pertama setiap bulan bagi negeri-negeri yang cuti umumnya jatuh pada hari Jumaat sebagai cuti.

Jika Sabtu/Khamis pertama setiap bulan itu jatuh pada cuti umum, Sabtu/Khamis berikutnya akan diisytiharkan sebagai cuti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 Okt tahun lepas mengumumkan pemberian cuti satu hari Sabtu setiap bulan untuk menggalakkan sektor pelancongan dalam negara.

--BERNAMA

APG ZB